

# ISA utamakan hak majoriti rakyat — PM

UM 2 1 DEC 2002

Oleh AKMAR HISHAM MOKHLES

**K**UALA LUMPUR 20 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan lebih mengutamakan hak asasi majoriti rakyat dalam menguatkuasakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan bukan hanya mengambil kira hak tahanan.

Perdana Menteri berkata, jika terdapat individu yang tidak menghormati dan mengancam hak asasi golongan majoriti, maka tiada sebab untuk kerajaan perlu mengutamakan soal hak asasi mereka.

Ini kerana individu yang mencabul hak asasi orang lain akan mengakibatkan dirinya kehilangan hak dalam soal tersebut, tegas beliau.

“Kita harus ingat majoriti rakyat juga mempunyai hak asasi.

“Kalau ada seseorang yang membuat sesuatu yang mengancam hak asasi majoriti, maka dia telah melakukan sesuatu yang menunjukkan bahawa dia tidak menghormati hak asasi manusia.

“Kalau dia tidak hormati hak asasi

maka tidak perlu kita hormati dia punya hak asasi,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas hasrat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) yang mahu menghantar laporan mengenai ISA kepada Kementerian Dalam Negeri pada minggu pertama bulan depan.

Pengerusi Suhakam, Tan Sri Abu Talib Othman hari ini berkata, laporan itu akan mengesyorkan kepada kerajaan supaya lebih prihatin terhadap hak asasi seseorang yang ditahan di bawah akta tersebut. (Lihat berita di muka 5)

Menurutnya, satu daripada laporan itu adalah berdasarkan memorandum dan input daripada mereka yang sedang atau pernah ditahan di bawah ISA manakala satu lagi ialah hasil inisiatif Suhakam yang membuat tinjauan dan siasatan sendiri mengenai keadaan tahanan di bawah akta berkenaan.

Perdana Menteri seterusnya berkata, hak asasi manusia di negara ini adalah

lebih baik berbanding dengan sesetengah negara.

Misalnya, kata beliau, pada hari ini beliau terbaca di sebuah negara asing terdapat kejadian penahanan 400 orang Islam selepas disuruh membuat satu pendaftaran.

Katanya, apa yang mengejutkan ialah umat Islam tersebut telah ditahan sebaik sahaja mereka pergi mendaftar diri di tempat yang ditetapkan.

“Yang setakat saya tahu tak ada undang-undang (sebegini). Ia penahanan tanpa bicara,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, ia akan terus meminta Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) membersihkan semua laporan yang mengaitkan BN dengan pertubuhan Al-Qaeda.

“Walaupun mereka menarik balik dakwaan itu tetapi masih ada laporan dan kita minta supaya laporan itu dibersihkan daripada sebutan bahawa BN ada hubungan dengan Al-Qaeda,” katanya.